

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-617
BIL. 11/2025 PADA 18 NOVEMBER 2025**

**1. ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
NEGARA 2024 KATEGORI PERKHIDMATAN AWAM DAN PIHAK
BERKUASA TEMPATAN**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NCOSH) 2024 bagi kategori Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam satu (1) majlis yang dianjurkan oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan peringkat Persekutuan.

Hanya satu (1) pemenang bagi kategori ini dan pertama kalinya dimenangi oleh MBSP.

Majlis penganugerahan ini telah berlangsung pada 17 Oktober 2025 di Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA, serta disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia. Pengiktirafan ini merupakan bukti komitmen berterusan pengurusan atasan dan seluruh warga kerja MBSP dalam membudayakan kualiti termasuklah dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

2. REKOD TERTINGGI PELESENAN ANJING MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

Sepanjang tahun 2025, MBSP telah mencatatkan pengeluaran lesen anjing sebanyak 10,642 lesen iaitu jumlah tertinggi dalam sejarah. Pencapaian ini membuktikan betapa tingginya tahap kesedaran masyarakat terhadap undang-undang dan kepentingan pelesenan haiwan peliharaan bagi memelihara kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan komuniti. Oleh itu, syabas dan tahniah diucapkan di atas kesedaran dan keprihatinan semua pihak.

Untuk makluman, urusan pembaharuan lesen bagi tahun 2026 akan dibuka mulai 1 Disember 2025 menerusi laman rasmi iaitu:

<https://spmh.mbsp.gov.my>

Adalah diharapkan agar momentum kesedaran warga Seberang Perai terhadap kepentingan memiliki lesen ini diteruskan bagi tahun-tahun yang mendatang.

3. PROGRAM MESRA PELANGGAN MBSP PADA 29 NOVEMBER 2025 BERTEMPAT DI DEWAN ORANG RAMAI, TAMAN SENA UTAMA, POKOK SENA, TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan mengadakan program **Mesra Pelanggan** Siri 3/2025 pada **29 November 2025 (Sabtu)** bertempat di **Dewan Orang Ramai, Taman Sena Utama , Pokok Sena,Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara.**

Program pada kali ini menyasarkan penduduk dan pembeli rumah di kawasan skim perumahan Taman Sena Utama, Taman Sena Emas, Taman Sena Jaya serta taman-taman perumahan di kawasan Pokok Sena / Tasek Gelugor / Kubang Menerong / Bertam dan kawasan sekitar yang telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*). Penduduk boleh memohon kelulusan sekiranya hendak menjalankan kerja-kerja ubahsuai / pindaan / tambahan kepada rumah kediaman mereka. Dalam masa yang sama, penduduk kawasan lain juga boleh menyertai dan memohon kelulusan melalui program yang dianjurkan ini.

Pihak MBSP mengalu-alukan semua pihak yang mempunyai rumah kediaman supaya mendapatkan kelulusan bagi sebarang pindaan dan tambahan yang hendak dijalankan ke atas rumah kediaman mereka. Ini bagi memastikan supaya semua kerja-kerja binaan

adalah dijalankan dengan teratur dan untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil keatas kerja-kerja binaan yang dijalankan tanpa kebenaran.

Dengan ini, semua penduduk Seberang Perai / pembeli / orang ramai adalah dijemput untuk menyertai Program Mesra Pelanggan MBSP ini dan kelulusan pindaan dan tambahan ke atas rumah-rumah kediaman akan diberikan secara **SERTA MERTA** pada hari tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

Maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Bangunan MBSP di talian 04-5497737 / 04-5497776.

4. PENGANJURAN *SHOREBIRD FESTIVAL 2025: SHARE SPACES, SHARE FUTURE*

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Shorebird Peninsular Malaysia Project disokong oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Nature Educational Society (NEST) dan Canon Malaysia akan menganjurkan *Shorebird Festival* iaitu sebuah festival komuniti yang meraikan keunikan burung pantai hijrah dan ekosistem paya bakau serta dataran lumpur di Teluk Air Tawar – Kuala Muda (TAT - KM) pada 29 dan 30 November 2025 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Jeti Nelayan Sungai Tembus, Penaga, Seberang Perai Utara.

Objektif utamanya ialah meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan kawasan ini kepada burung migrasi, menghubungkan masyarakat setempat dengan usaha pemuliharaan, dan menggalakkan eko-pelancongan yang mampan. Festival ini merangkumi pelbagai program seperti *Shorebird Photo Race*, *Sungai Tembus Photo Contest*, *Canon Photography Workshop*, lawatan pemerhatian burung, forum eko-pelancongan, pameran, permainan pendidikan pelajar sekolah serta aktiviti bersama komuniti nelayan. Semua dijemput hadir bagi memeriahkan penganjuran *Shorebird Festival 2025*.

5. PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL PERTAMA 2026 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI

Adalah dimaklumkan bahawa **PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL PERTAMA 2026 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI** akan bermula pada 1 Disember 2025 dan akan tamat pada 28 Februari 2026. Promosi ini diadakan khas kepada semua pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2026 berserta tunggakan (jika ada) melalui **saluran *online*, kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik sahaja.**

MBSP telah menyediakan sebanyak **60 hadiah cabutan bertuah** berbentuk wang tunai seperti berikut:-

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888.00
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM5,000.00
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM4,000.00
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM3,000.00
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM2,000.00
Tempat Ke-6	Wang Tunai RM1,800.00
Tempat Ke-7	Wang Tunai RM1,600.00
Tempat Ke-8	Wang Tunai RM1,400.00

Tempat Ke-9	Wang Tunai RM1,200.00
Tempat Ke-10	Wang Tunai RM1,000.00
Tempat Ke-11	Wang Tunai RM900.00
Tempat Ke-12	Wang Tunai RM800.00
Tempat Ke-13	Wang Tunai RM700.00
Tempat Ke-14	Wang Tunai RM600.00
Tempat Ke-15	Wang Tunai RM500.00
Tempat Ke-16 hingga Tempat Ke-25	Wang Tunai RM400.00
Tempat Ke-26 hingga Tempat Ke-35	Wang Tunai RM300.00
Tempat Ke-36 hingga Tempat Ke-45	Wang Tunai RM200.00
Tempat Ke-46 hingga Tempat Ke-60	Wang Tunai RM100.00

ASPIRE Seberang Perai juga telah sudi untuk menaja **tiga (3) hadiah cabutan bertuah** kepada pemilik premis yang membuat bayaran **melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, ASPIRE Web Portal atau ASPIRE Smart Cashless Kiosk**. Tajaan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	<i>Gold Bar 3gm</i>
Tempat Ke-2	<i>Gold Bar 2gm</i>
Tempat Ke-3	<i>Gold Bar 1gm</i>

Saya dengan ini menyeru kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai

taksiran tahun 2026 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda dalam cabutan bertuah.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web MBSP <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my.

6. PENUTUPAN SEMENTARA TAMAN BANDAR AMPANG JAJAR, PERMATANG PAUH BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin memaklumkan bahawa Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh masih belum dibuka kepada orang awam bagi memberi laluan kepada pelaksanaan beberapa kerja-kerja infrastruktur penting oleh agensi dan pihak berkaitan.

Antara kerja-kerja utama yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Pembaikan paip oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) pada Januari 2024 hingga April 2024;
- Kerja-kerja pembaikan di kawasan taman yang dijalankan dari 1 Mei hingga 30 Jun 2024;
- Pembinaan paip air utama yang melintasi Sungai Perai dari 1 Ogos 2024 hingga 31 Julai 2025;

- Kerja-kerja pengorekan paip gas asli menggunakan kaedah *Horizontal Directional Drilling* (HDD) bagi sistem pengagihan gas asli ke *Ampang Jajar Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC) yang dijangka siap pada 31 Januari 2026; dan
- Pembinaan kemudahan tandas awam baharu berkonsepkan BMW-i (Bersih, Mesra dan Wangi) *Smart Toilet* yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung Februari 2026.

Penutupan sementara ini dilaksanakan atas faktor keselamatan awam memandangkan kerja-kerja tapak melibatkan kawasan berisiko tinggi. Sehubungan itu, orang awam dinasihatkan untuk tidak memasuki kawasan taman sepanjang tempoh kerja-kerja ini dijalankan.

Taman Bandar Ampang Jajar dijangka dibuka semula kepada orang awam pada suku ketiga tahun 2026, namun tarikh pembukaan akhir masih tertakluk kepada keperluan teknikal dan penyiapan kerja-kerja infrastruktur yang sedang dijalankan.

Sementara itu, bagi memenuhi keperluan riadah dan rekreasi, orang awam disarankan untuk menggunakan beberapa taman alternatif di kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU), antaranya:

- Taman Tunku, Seberang Jaya (SPT)
- Taman Rekreasi Sembilang (SPT)
- Taman Tugu Demokrasi (SPU)
- Taman Pantai, Jalan Pantai (SPU)

MBSP menegaskan bahawa keperluan riadah dan rekreasi untuk kesejahteraan warga bandar sentiasa menjadi keutamaan MBSP melalui pembangunan, naik taraf dan penyelenggaraan berterusan kemudahan awam di seluruh Seberang Perai.

MBSP turut merakamkan penghargaan kepada orang awam atas kerjasama dan kesabaran sepanjang tempoh pelaksanaan kerja ini demi memastikan kemudahan yang lebih selamat, selesa dan berkualiti dapat dinikmati bersama pada masa akan datang.

7. SELAMAT MENYAMBUT HARI KRISMAS

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada seluruh warga Seberang Perai yang meraikannya. Semoga sambutan pada tahun ini membawa kedamaian, kegembiraan dan memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan kita semua.

Hari Krismas bukan sahaja waktu untuk berkumpul bersama keluarga dan orang tersayang, malah merupakan kesempatan untuk kita mempererat hubungan masyarakat tanpa mengira agama, budaya dan latar belakang. Nilai toleransi, kasih sayang dan saling menghormati yang diraikan pada hari yang bermakna ini wajar terus dipupuk demi keharmonian bandaraya kita.

Hari Krismas pada tahun ini disambut pada 25 Disember 2025 (Khamis) yang merupakan cuti kelepasan am bagi Negeri Pulau Pinang.

Justeru itu, di musim perayaan dan cuti kelepasan am ini diingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya berhati-hati di jalanraya, jaga kesihatan dan amalkan pemakanan yang sihat.

Sekian, terima kasih.